

## NOTIS WAJIBKAN INDIVIDU BUAT LAPORAN BAGI PENDAFTARAN

Dalam melaksanakan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Kerahan 1970, pihak berkuasa menghendaki setiap lelaki warga negara Singapura dan setiap lelaki Penduduk Tetap Singapura, yang lahir antara 1 April 2007 hingga 30 Jun 2007 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) (yang disebutkan dalam pemberitahuan ini sebagai seorang pendaftar) perlu mendaftar untuk perkhidmatan negara.

### **Pendaftaran bagi perkhidmatan negara**

2. Seseorang pendaftar mesti mendaftar bagi perkhidmatan negara antara 8 Mei 2024 hingga 28 Mei 2024 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) —

- (a) menerusi dalam talian di <https://www.ns.sg>; atau
- (b) secara peribadi di Podium, Pusat Pangkalan Tenaga Manusia (CMPB) yang terletak di 3 Depot Road, Singapura 109680.

### **Pemeriksaan perubatan**

3. Kecuali dimaklumkan oleh pihak berkuasa, setiap pendaftar mesti —

- (a) semasa mendaftar bagi perkhidmatan negara, memilih satu tarikh antara 10 Julai 2024 hingga 7 Ogos 2024 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) untuk pemeriksaan perubatan; dan
- (b) menjalani pemeriksaan perubatan di CMPB pada tarikh yang dipilih antara 8 pagi hingga 1 tengah hari.

|              |                                                                                                                      |
|--------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tempat:      | Pusat Pangkalan Tenaga Manusia<br>CMPB-Podium<br>3 Depot Road<br>Singapura 109680                                    |
| Masa:        | Isnin hingga Jumaat - 8 pagi hingga 5 petang<br>Sabtu - 8 pagi hingga 1 tengah hari<br>Tutup pada Ahad dan cuti awam |
| Pertanyaan:  | 1800-3676767                                                                                                         |
| E-mel:       | <a href="mailto:contact@ns.sg">contact@ns.sg</a>                                                                     |
| Laman Utama: | <a href="https://www.ns.sg">https://www.ns.sg</a>                                                                    |